



## SYARAT-SYARAT LESEN KILANG

### 1. SYARAT-SYARAT KHUSUS

- 1.1 Mematuhi syarat-syarat yang dikeluarkan oleh Jabatan Teknikal yang lain seperti Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Bomba dan Jabatan Keselamatan Pekerja.
- 1.2 Mendapat Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan (CFO) / Surat Hakmilik Sementara **kecuali** bagi premis perniagaan milik majlis atau lain-lain bangunan kerajaan dan bangunan-bangunan premis perniagaan yang lama.
- 1.3 Memaklumkan sebarang pertambahan pengeluaran kilang / bangunan kepada MDKL.
- 1.4 Sekiranya terdapat kantin/tempat penyediaan makanan pihak kilang perlu mematuhi syarat-syarat bawah Establisymen Makanan dan mendapat lesen perniagaan kantin.
- 1.5 Sekiranya terdapat pemasangan papan iklan perlu mematuhi syarat-syarat papan iklan.

### 2. KEBERSIHAN

- 2.1 Keseluruhan bangunan / premis hendaklah berada di dalam keadaan bersih dan baik.
- 2.2 Dilarang melepaskan sebarang effluen / bahan berjadual ke dalam longkang tanpa dineutralkan terlebih dahulu.
- 2.3 Membuat landskap yang bersesuaian di sekitar premis.
- 2.4 Diwajibkan menyediakan tong sampah yang mencukupi dan sempurna.

**3. KESELAMATAN**

- 3.1 Para pekerja hendaklah dibekalkan dengan alat pelindung / keselamatan yang sesuai seperti 'Ear Plug' dan penutup hidung.
- 3.2 Bahan 'Thinner' dan lain-lain bahan kimia hendaklah berasingan dari bahan-bahan lain.
- 3.3 Dikehendaki mengadakan sebuah peti ubat kecemasan dengan dilengkapi peralatan dan ubat-ubatan.
- 3.4 Meletakkan tanda-tanda keselamatan di tempat-tempat berbahaya.
- 3.5 Memastikan semua ruang premis / bangunan mempunyai pencahayaan dan pengudaraan yang mencukupi dan memuaskan.
- 3.6 Semua bahan-bahan yang merbahaya (jika ada) hendaklah disimpan, dikawal, distorkan mengikut cara-cara dan keadaannya yang dapat mencegah keluaran sehingga tidak menimbulkan sebarang kacauganggu dan pencemaran

**PERINGATAN**

**\*\*Segala arahan daripada Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Majlis ini yang diberi kuasa hendaklah dipatuhi dari masa ke semasa.**

Disediakan Oleh :

Jabatan Pelesenan dan Kesihatan Persekitaran  
Majlis Daerah Kuala Langat